

U B445 AAB
MAHATHIR - SETINGGAN

PULAU PINANG, 19 OGOS (BERNAMA) -- PERDANA MENTERI BERKATA, KERAJAAN MENGAMBIL TANAH YANG DIDUDUKI OLEH SETINGGAN DI BANDAR-BANDAR, BUKANLAH BERTUJUAN MENGANIYAI RAKYAT SEBALIKNYA KERAJAAN INGIN MEMBINA LEBIH BANYAK KEMUDAHAN PERUMAHAN UNTUK RAKYAT.

DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA, NEGARA TIDAK MEMPUNYAI TANAH YANG BANYAK, OLEH ITU DENGAN MEMAJUKAN KAWASAN SETINGGAN AKAN DAPAT MEMBANTU MENYEDIAKAN LEBIH BANYAK TEMPAT TINGGAL YANG LEBIH SELESA KEPADA RAKYAT.

BELIAU BERKATA DEMIKIAN KETIKA BERUCAP PADA MAJLIS MEMECAH TANAH DI PROJEK PERUMAHAN POLIS DIRAJA MALAYSIA, BANDAR BARU AIR ITAM, DI SINI HARI INI.

SAMBIL MEMBERIKAN CONTOH, PERDANA MENTERI BERKATA, SESEBUAH KAWASAN YANG DIDUDUKI OLEH KIRA-KIRA 200-300 ORANG SETINGGAN JIKA DIBANGUNKAN SEBAGAI KAWASAN PERUMAHAN BOLEH MENAMPUNG KIRA-KIRA 60,000 ORANG PENDUDUK.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, TINDAKAN KERAJAAN MENGAMBIL TANAH-TANAH SETINGGAN ITU WALAUPUN BAIK KADANGKALA DIJADIKAN ISU POLITIK OLEH PEMBANGKANG. -- LAGI
2058MST 19 08 90

0032

U B447 AAB
MAHATHIR - SETINGGAN 2 PULAU PINANG

WALAUPUN KERAJAAN TERPAKSA MENGHADAPI TEKANAN EKORAN TINDAKAN TIDAK POPULAR ITU, ADA SESETENGAH PEMILIK RUMAH TIDAK BERTERIMA KASIH KEPADA KERAJAAN SETELAH MENDAPAT TEMPAT TINGGAL YANG SELESA, KATANYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, DI SESETENGAH TEMPAT PULA PENDUDUKNYA MENUBUHKAN CAWANGAN PARTI POLITIK PEMBANGKANG UNTUK MENENTANG KERAJAAN, WALAUPUN KERAJAAN TELAH MENOLONG MEREKA MENDAPATKAN RUMAH.

MENGENAI PERUMAHAN ANGGOTA POLIS, BELIAU BERKATA SELAIN MENGATASI BANYAK KARENAN BIROKRASI DALAM PEMBINAAN ATAU PEMBELIAN RUMAH UNTUK MEREKA, KERAJAAN AKAN BERUSAHA MEMPERCEPATKAN PEMBINAAN TEMPAT KEDIAMAN YANG LEBIH SELESA UNTUK MEREKA.

MENURUTNYA, ANGGOTA POLIS TELAH BANYAK MEMBANTU MENGAWAL KEAMANAN NEGARA, DAN OLEH ITU MEREKA SEHARUSNYA MENDAPAT TEMPAT TINGGAL YANG LEBIH SEMPURNA AGAR DAPAT MENINGKATKAN LAGI MUTU PERKHIDMATAN.

PROJEK PERUMAHAN POLIS DI BANDAR AIR ITAM ITU SEIRING DENGAN PROGRAM KERAJAAN UNTUK MENYEDIAKAN SKIM PERUMAHAN SEGERA KEPADA ANGGOTA POLIS DENGAN PERUNTUKAN SEBANYAK \$500 JUTA. PERUMAHAN FARLIM (M) SDN BHD MERUPAKAN PEMAJU PERTAMA YANG BERJAYA MENDAPATKAN TENDER DI BAWAH SKIM BERKENAAN, KATANYA. -- LAGI
2114MST 19 08 90

U B448 AAB
MAHATHIR - SETINGGAN 3 PULAU PINANG

PROJEK ITU, YANG DIMAJUKAN DI KAWASAN SELUAS ENAM HEKTAR MENGANDUNGI 980 UNIT PANGSAPURI LIMA TINGKAT TIGA BILIK TIDUR DAN DUA BILIK MANDI. IA TURUT MENGANDUNGI SEBUAH BALAI POLIS UNTUK BANDAR BARU AYER ITAM:

SEBELUM ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR MENYAMPAIKAN KUNCI KEPADA PEMILIK PANGSAPURI +MEWAH COURT+, YANG MERUPAKAN RUMAH KOS MURAH SEDERHANA DI JALAN BATU LANCHANG, DI SINI.

KETIKA BERUCAP PADA MAJLIS ITU, PERDANA MENTERI BERKATA, PARA PEMBELI PERLU BERSYUKUR KERANA KERAJAAN BARISAN NASIONAL MASIH MAMPU MENYEDIAKAN RUMAH KOS RENDAH PADA HARGA \$25,000 WALAUPUN HARGA BAHAN-BAHAN BINAAN SEMAKIN MENINGKAT.

PROJEK PANGSAPURI DUA BLOK 20 TINGKAT SETIAP BUAH ITU MENGANDUNGI 300 UNIT PANGSAPURI TIGA BILIK BERHARGA \$69,000 SEBUAH. IA DIMAJUKAN OLEH SYARIKAT HARI JAYA MEWAH KOTA DI BAWAH PROGRAM PENSWASTAAN PERUMAHAN KERAJAAN NEGERI. -- BERNAMA
2116MST 19 08 90